

Tabiat pembangkang alih tumpuan pelajar berpolitik

UM - 9 SEP 2003

KUALA LUMPUR 8 Sept. Kementerian Pendidikan mengakui sudah menjadi tabiat pembangkang untuk mengalih tumpuan pelajar daripada matlamat asal menimba ilmu kepada berpolitik yang akhirnya merugikan pelajar itu sendiri.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad berkata, perbuatan pembangkang itu lebih cenderung menanamkan semangat yang menyebabkan pelajar tidak memberi penumpuan untuk belajar menjadi warganegara yang baik dan sumber tenaga yang berguna kepada negara.

"Saya memang sokong kenyataan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) bahawa ada kecenderungan pihak pembangkang hendak menarik pelajar keluar daripada jalan lurus.

"Kita mahu pelajar memberi tumpuan kepada pembelajaran sambil mengetahui hal-hal umum, tumpuan mereka mestilah kepada pembelajaran," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen di sini hari ini.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa Pas tidak mahu melihat negara ini maju dengan menghasut pelajar supaya jangan belajar sebaliknya berjuang untuk parti itu.

Perdana Menteri semasa berucap pada Perhimpunan Rakyat Bersama Pemimpin di Sekolah Kebangsaan Seri Banai, Wang Tepus, Jitra berkata, Pas menghasut supaya orang tidak dapat belajar dan menjadi bodoh agar mudah ditipu.

Musa berkata, adalah lebih baik sekiranya pelajar menumpukan dahulu kepada pembelajaran dan menyertai parti politik selepas menamatkan pengajian.

Ditanya sama ada pilihan raya kampus masih perlu diadakan, Musa berkata, perkara itu memang termaktub dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti sebagai satu kaedah menggilap kepimpinan pelajar.

"Kita tidak ada niat untuk menghapuskannya kerana dan ia menjadi lumrah kepada universiti," kata beliau.

Bagaimanapun katanya, universiti di luar negara yang dianggap sudah matang, tidak timbul soal pelajar memihak kepada mana-mana parti, sebaliknya isu yang dibawa lebih tertumpu kepada hal-hal dalaman kampus sahaja.

"Jadi saya boleh katakan perjalanan politik pelajar dalam negara belum begitu matang dan saya harap satu hari lebih matang yang tertumpu kepada kepada ilmiah," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap pelajar lebih menumpukan kepada isu-isu kebajikan seperti yang dilakukan di negara-negara lain yang mencapai kematangan dalam pilihan raya kampus.

Katanya, kerajaan sebenarnya tidak menggalakkan pelajar menanam ideologi yang menyokong mana-mana pihak di luar kampus sama ada kerajaan atau pembangkang.

"Ini hanya tilikan pemerhati politik yang mengesan cara pelajar berkempen, sebab itu timbul ada pro-pembangkang dan prokerajaan," katanya.

Mengulas mengenai sama ada kemenangan pihak yang dianggap sebagai prokerajaan pada pilihan raya kampus baru-baru ini dapat mengembalikan matlamat asal universiti untuk mencapai kecemerlangan ilmu, Musa berkata:

"Saya tidak ada data sama ada yang menang itu prokerajaan atau pembangkang, tetapi kalaulah benar pihak prokerajaan menang ini satu perkembangan yang baik."

Mengenai aduan wujudnya kumpulan samseng semasa kempen di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan dakwaan kononnya Pemuda UMNO menyalurkan bantuan wang kepada calon prokerajaan Musa berkata, ia tertakluk kepada pengurusan universiti bertindak kepada semua aduan yang diterima.

"Ini perkara kecil, bukan pilihan raya negara," katanya.

Katanya, sebarang bantahan berkenaan pilihan raya akan diserahkan oleh universiti kepada Kementerian Pendidikan untuk pengetahuan beliau tetapi sehingga kini tidak ada sebarang aduan diterima mengenai perkara itu.